

Kempen Kumpul & Menang ASB ("Kempen")

Terma dan Syarat Kempen

Kelayakan

1. Kempen ini dianjurkan oleh Amanah Saham Nasional Berhad (No. Syarikat 197901003200 (47457-V)) ("ASNB").
2. Kempen ini bermula pada 00:00 jam (GMT + 8) 19 Februari 2021 dan dilanjutkan sehingga pada 23:59 jam (GMT + 8) 15 Disember 2021 ("Tempoh Kempen"). ASNB berhak untuk mengubah, menangguhkan, menjadualkan semula atau melanjutkan Tempoh Kempen atas budi bicara mutlakanya.
3. Kempen ini terbuka kepada pemegang unit Amanah Saham Bumiputera ("ASB") sedia ada dan baharu kecuali semua kakitangan dan keluarga terdekat kepada kakitangan Kumpulan Permodalan Nasional Berhad (197801001190 (38218-X)) ("PNB") termasuk tetapi tidak terhad kepada kakitangan PNB, ASNB, Pelaburan Hartanah Nasional Berhad (198801008611 (175967-W)), PNB Merdeka Ventures Sdn. Berhad (200001015384 (517991-A)), PNB Research Institute Sdn. Berhad (198501007000 (139442-U)) dan Attana Hotels & Resorts Sdn. Berhad (199601019685 (392037-A)).
4. Pemegang unit ASB sedia ada adalah pemegang unit berdaftar Akaun Dewasa dan/atau Akaun Remaja ("Akaun ASB") sebelum bermulanya Tempoh Kempen manakala pemegang unit baharu ASB adalah pelabur yang membuka Akaun ASB semasa Tempoh Kempen ("Peserta").
5. Untuk layak menyertai Kempen ini, Peserta mesti memenuhi syarat-syarat berikut:
 - (i) Peserta mestilah membuat pelaburan minimum RM10 dalam tabung unit amanah ASB dalam Tempoh Kempen;
 - (ii) Pelaburan adalah dalam bentuk tunai melalui platform pelaburan ("Platform") berikut:
 - a. kaunter cawangan ASNB dan ejen-ejen ASNB ("Kaunter")
 - b. myASNB iaitu portal (www.myasnb.com.my) dan aplikasi mudah alih
 - c. perbankan internet ejen-ejen ASNB iaitu Maybank2u, CIMB Clicks, RHBNow, affinOnline dan HLB Connect
 - d. mesin ATM Maybank, CIMB Bank dan mana-mana mesin ATM yang menawarkan transaksi ASB
 - e. Skim Potongan Gaji ("SPG") (Kerajaan dan syarikat swasta)
 - f. Arahan Tetap melalui Maybank dan Bank Simpanan Nasional

Mekanisme Kempen

1. Apabila Peserta layak menyertai Kempen, Peserta akan memperoleh mata penyertaan (*Entries*) ("Penyertaan") yang mana setiap Penyertaan akan layak untuk cabutan rawak Pemenang Kempen ("Pemenang") melalui sistem komputer yang dikendalikan oleh ASNB bagi memenangi hadiah yang ditawarkan.
2. Amaun pelaburan yang layak untuk Kempen adalah minimum RM10. Untuk amaun pelaburan yang layak, Peserta berhak untuk mengumpul Penyertaan mengikut Platform seperti berikut:

Jadual 1

Amaun Pelaburan Yang Layak	Penyertaan untuk pelaburan di Kaunter	Penyertaan untuk pelaburan selain dari di Kaunter (melalui myASNB, perbankan internet ejen, mesin ATM, SPG)
Setiap RM1.00	SATU (1)	TIGA (3)

3. Peserta yang layak berhak untuk mengumpul Penyertaan sebanyak mungkin sepanjang Tempoh Kempen.

Contoh I:

Peserta A membuat pelaburan ASB berjumlah RM150 di cawangan ASNB pada 1 Mac 2021 dan RM1,000 melalui portal myASNB pada 25 Mac 2021.

Jadual 2

Tarikh	Amaun Pelaburan (RM)	Platform	Penyertaan Diperoleh
1 Mac 2021	150	Cawangan ASNB	RM150 = 150 Penyertaan (Setiap RM1.00 = 1 Penyertaan)
25 Mac 2021	1,000	myASNB	RM1,000 = 3,000 Penyertaan (3 kali ganda melalui myASNB)

Contoh II:

Peserta B membuat pelaburan di cawangan ejen, melalui myASNB dan mempunyai Skim Potongan Gaji ("SPG") ASB berjumlah RM500 setiap bulan.

Jadual 3

Tarikh	Amaun Pelaburan (RM)	Platform	Penyertaan Diperoleh
1 Ogos 2021	100	Cawangan Maybank	RM100 = 100 Penyertaan (Setiap RM1.00 = 1 Penyertaan)
15 Ogos 2021	1,000	Perbankan internet ejen	RM1,000 = 3,000 Penyertaan (3 kali ganda melalui perbankan internet ejen)
26 Ogos 2021	500	SPG	RM500 = 1,500 Penyertaan (3 kali ganda melalui SPG)

Hadiah dan Pemilihan Pemenang

1. Kempen ini menawarkan Hadiah Bulanan dan Hadiah Utama seperti berikut.

a) Hadiah Bulanan

- i) Pemenang Hadiah Bulanan akan dipilih berdasarkan Penyertaan Bulanan kecuali bagi bulan Mac, Penyertaan akan dikira dari 19 Februari sehingga 31 Mac 2021 serta bagi bulan Disember, Penyertaan dikira dari 1 Disember sehingga 15 Disember 2021.
- ii) Jika Peserta membuat sebarang jualan balik untuk mana-mana bulan, Peserta tidak layak untuk pemilihan pemenang bagi bulan tersebut. Bagi penyertaan pada bulan Mac, jualan balik dikira dari 19 Februari hingga 31 Mac 2021 dan bagi bulan Disember, jualan balik dikira dari 1 Disember hingga 15 Disember 2021.
- iii) Peserta hanya layak untuk memenangi SATU (1) kali Hadiah Bulanan sepanjang Tempoh Kempen.
- iv) Hadiah bulanan adalah bermula dari bulan Mac hingga bulan Disember.
- v) Tawaran Hadiah Bulanan adalah seperti di Jadual 4:

Jadual 4

Tempat	Bilangan Pemenang		Hadiah
	Mac - November	Disember	
Pertama	30 Pemenang	15 Pemenang	RM1,000
Kedua	50 Pemenang	25 Pemenang	RM500
Ketiga	500 Pemenang	250 Pemenang	RM250
Saguhati	300 Pemenang	150 Pemenang	RM100

b) Hadiah Utama

i) Kelayakan untuk pemilihan pemenang bagi Hadiah Utama adalah seperti berikut:

- 1) Peserta mestilah mempunyai minimum 500 Penyertaan terkumpul pada akhir Tempoh Kempen untuk layak dalam pemilihan pemenang Hadiah Utama melalui cabutan rawak oleh sistem komputer yang dikendalikan oleh ASNB.
- 2) Peserta mesti mempunyai peningkatan ke atas jumlah pegangan pelaburan ASB iaitu dibandingkan pada tarikh akhir sebelum Kempen pada 18 Februari 2021 dengan pada 15 Disember 2021.
- 3) Jumlah Pemenang dan Hadiah Utama adalah seperti Jadual 5.

Jadual 5

Tempat	Bilangan Pemenang	Hadiah
Pertama	3 Pemenang	RM15,000
Kedua	3 Pemenang	RM10,000
Ketiga	3 Pemenang	RM7,500
Saguhati	100 Pemenang	RM1,000

2. Pemenang Hadiah Bulanan dan Hadiah Utama akan dipilih secara rawak melalui sistem cabutan berkomputer yang diuruskan oleh pihak ASNB.
3. Semua hadiah adalah dalam bentuk unit amanah ASB dan tidak boleh ditukar dengan wang tunai. ASNB berhak menggantikan hadiah dalam bentuk unit amanah ASNB yang lain yang sama nilainya tertakluk kepada terma dan syarat kelayakan pelaburan ke atas Pemenang atas sebab-sebab tertentu dan atas budi bicara mutlak.

4. Untuk menebus hadiah unit amanah yang dimenangi, Pemenang perlu mempunyai mana-mana tabung unit amanah ASNB. Pelaburan permulaan dan/atau caj berkaitan yang perlu untuk menebus hadiah adalah ditanggung oleh Pemenang.
5. Sekiranya seseorang pemenang tidak memberi maklum balas dan/atau memenuhi sebarang keperluan berkaitan urusan hadiah dalam tempoh yang ditetapkan selepas dihubungi oleh ASNB melalui sebarang saluran komunikasi yang bersesuaian, ASNB berhak membatalkan kemenangan tersebut.
6. ASNB berhak untuk mengganti dengan hadiah lain yang sama nilainya pada bila-bila masa atas budi bicara mutlakanya.
7. Hadiah akan dikreditkan ke dalam akaun unit amanah Pemenang selepas TIGA (3) bulan dari Tempoh Kempen berakhir.
8. Senarai Pemenang akan dimaklumkan oleh pihak ASNB melalui mana-mana kaedah komunikasi yang bersesuaian dan akan disiarkan di laman web ASNB (www.asnb.com.my) atau platform media sosial yang diuruskan oleh ASNB.

Contoh Bagaimana Memperoleh Mata Penyertaan dan Kelayakan Dalam Pemilihan Pemenang Kempen

Berikut diberikan contoh beberapa senario transaksi bagi kelayakan untuk mendapat Penyertaan ke atas pemilihan pemenang Hadiah Bulanan dan Hadiah Utama. Contoh adalah untuk transaksi sepanjang Tempoh Kempen dari 19 Februari hingga 15 Disember 2021.

Contoh I:

Peserta Kempen	Jumlah ASB (pada 18 Februari 2021)	Senario Transaksi dalam Tempoh Kempen	Jumlah ASB (pada 15 Disember 2021)	Kelayakan Untuk Pemilihan Pemenang Hadiah Bulanan & Utama
Peserta A (a) Amaun pelaburan melebihi RM10 pada bulan Mac (b) Tiada jualan balik pada bulan Mac	RM20,000	Februari: <ul style="list-style-type: none"> • Pelaburan tambahan di cawangan RHB sebanyak RM300 pada 18 Februari 2021 Penyertaan:- <ul style="list-style-type: none"> • RM300 = 300 Penyertaan Mac: <ul style="list-style-type: none"> • Pelaburan tambahan pada 3 Mac 2021 sebanyak RM500 melalui myASNB Penyertaan:-	RM19,800 (peningkatan jumlah ASB)	Hadiah bulanan: <ul style="list-style-type: none"> • Mac - layak (<i>tiada jualan balik</i>) Hadiah Utama: <ul style="list-style-type: none"> • Tidak layak - tiada peningkatan pegangan ASB

		<ul style="list-style-type: none"> • RM500 = 1,500 Penyertaan (3 kali ganda melalui myASNB) <p>Jumlah Penyertaan Mac = 1,800 (dikumpul untuk Februari & Mac)</p> <ul style="list-style-type: none"> • Jualan balik di ejen sebanyak RM1,000 pada 5 Oktober 2021 <p>Jumlah Penyertaan Berkumpul pada 15 Disember 2021 = 1,800</p>		
--	--	--	--	--

Contoh II:

Peserta Kempen	Jumlah ASB (pada 18 Februari 2021)	Senario Transaksi dalam Tempoh Kempen	Jumlah ASB (pada 15 Disember 2021)	Kelayakan Untuk Pemilihan Pemenang Hadiah Bulanan & Utama
<p>Peserta B</p> <p>(a) Membuka akaun dan jumlah pelaburan melebihi RM10 pada bulan April dan pelaburan tambahan Jun</p> <p>(b) Jualan balik pada bulan April, tiada jualan balik pada Jun</p>	RM0	<p>April:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Membuka akaun ASB di cawangan ASNB sebanyak RM3,000 pada 1 April 2021 • Pelaburan tambahan di portal myASNB sebanyak RM300 pada 30 April 2021. <p>Penyertaan:-</p> <ul style="list-style-type: none"> • RM3,000 = 3,000 Penyertaan • RM300 = 900 Penyertaan (3 kali ganda melalui myASNB) <p>Jumlah Penyertaan April = 3,900</p> <ul style="list-style-type: none"> • Jualan balik di ejen sebanyak RM800 pada 15 April 2021 <p>Jun:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pelaburan tambahan di ATM Maybank sebanyak RM1,000 pada 1 Jun 2021. <p>Penyertaan:-</p>	RM3,500 (pertambahan jumlah ASB)	<p>Hadiah bulanan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • April – tidak layak (ada jualan balik) • Jun – layak (tiada jualan balik) <p>Hadiah Utama:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Layak – terdapat pertambahan pegangan unit ASB • Jumlah Penyertaan Berkumpul melebihi 500

		<ul style="list-style-type: none"> • RM1,000 = 3,000 Penyertaan (tiga kali ganda melalui mesin ATM) <p>Jumlah Penyertaan Jun = 3,000</p> <p>Jumlah Penyertaan Terkumpul pada 15 Disember 2021 = 4,900</p>		
--	--	--	--	--

Contoh III:

Peserta Kempen	Jumlah ASB (pada 18 Februari 2021)	Senario Transaksi dalam Tempoh Kempen	Jumlah ASB (pada 15 Disember 2021)	Kelayakan Untuk Pemilihan Pemenang Hadiah Bulanan & Utama
----------------	------------------------------------	---------------------------------------	------------------------------------	---

<p>Peserta C</p> <p>(a) Amaun pelaburan melebihi RM10 (b) Terdapat jualan balik April</p>	<p>RM1,000</p>	<p>April:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pelaburan tambahan sebanyak RM2,000 di myASNB pada 1 April 2021 <p>Penyertaan:-</p> <ul style="list-style-type: none"> • RM2,000 : 6,000 Penyertaan (3 kali ganda melalui myASNB) <p>Jumlah Penyertaan April = 6,000</p> <ul style="list-style-type: none"> • Jualan balik di myASNB sebanyak RM500 pada 23 April 2021 <p>Jumlah Penyertaan terkumpul pada 15 Disember 2021 = 6,000</p>	<p>RM2,500 (peningkatan jumlah ASB)</p>	<p>Hadiah bulanan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • April – tidak layak (ada jualan balik) <p>Hadiah Utama:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Layak – peningkatan jumlah pegangan ASB • Jumlah Penyertaan terkumpul melebihi 500
--	-----------------------	---	--	--

Contoh IV:

Peserta Kempen	Jumlah ASB (pada 18 Februari 2021)	Senario Transaksi dalam Tempoh Kempen	Jumlah ASB (pada 15 Disember 2021)	Kelayakan Untuk Pemilihan Pemenang Hadiah Bulanan & Utama
<p>Peserta D</p> <p>(c) Amaun pelaburan melebihi RM10 (d) Tiada jualan balik Ogos, September</p>	<p>RM50,000</p>	<p>Ogos:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pelaburan tambahan di cawangan BSN sebanyak RM5,000 pada 1 Ogos 2021 • Pelaburan tambahan RM1,000 melalui Maybank2u pada 25 Ogos 2021 <p>Penyertaan:-</p> <ul style="list-style-type: none"> • RM5,000 : 5,000 Penyertaan • RM1,000 : 3,000 Penyertaan (tiga kali ganda melalui maybank2u) <p>Jumlah Penyertaan Ogos = 8,000</p> <p>September:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pelaburan tambahan sebanyak RM500 melalui 	<p>RM46,500 (pengurangan jumlah ASB)</p>	<p>Hadiah bulanan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Ogos – layak (tiada jualan balik) • September – layak (tiada jualan balik & sekiranya tidak terpilih pemenang bulan Ogos) • Oktober – tidak layak (ada jualan balik) <p>Hadiah Utama:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Tidak layak – pengurangan jumlah pegangan ASB

		<p>myASNB pada 1 September 2021</p> <p>Penyertaan:-</p> <ul style="list-style-type: none"> • RM500 : 1,500 Penyertaan (3 kali ganda melalui myASNB) <p>Jumlah Penyertaan September = 1,500</p> <p>Oktober:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pelaburan Tambahan sebanyak RM10,000 melalui cawangan ASNB pada 1 Oktober 2021 <p>Penyertaan:-</p> <ul style="list-style-type: none"> • RM10,000 : 10,000 Penyertaan <p>Jumlah Penyertaan Oktober = 10,000</p> <ul style="list-style-type: none"> • Jualan balik di ejen sebanyak RM20,000 pada 23 Oktober 2021 <p>Jumlah Penyertaan Berkumpul pada 15 Disember 2021 = 19,500</p>		
--	--	--	--	--

Lain-lain Terma dan Syarat

1. Dengan menyertai Kempen ini, Peserta telah bersetuju dengan Terma dan Syarat Kempen ini. Keputusan ASNB, sebagai penganjur, adalah muktamad dan sebarang rayuan dan/atau pertikaian tidak akan dilayan.
2. Peserta juga bersetuju bahawa melalui penyertaan mereka di dalam Kempen ini, Peserta membenarkan ASNB dan ASNB berhak untuk menggunakan nama, butiran peribadi dan gambar pemenang untuk tujuan pemasaran, pengiklanan dan publisiti, menurut peruntukan perundangan berkaitan, tanpa membayar sebarang kos atau pampasan.
3. Semua pemenang Kempen ini bertanggungjawab ke atas segala cukai, kadar, fi atau sebarang bayaran yang mungkin dikenakan ke atas mereka menurut undang-undang berkaitan dengan hadiah-hadiah dan Kempen ini.

4. ASNB tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kerosakan atau kerugian, samada secara langsung atau tidak langsung, yang berlaku berkaitan dengan Kempen ini. ASNB juga tidak boleh dipertanggungjawabkan jika berlaku sebarang kejadian bencana semula jadi, peperangan, rusuhan, mogok, sekatan, tindakan perindustrian, kebakaran, banjir, kemarau, ribut, pandemik, kegagalan teknikal atau sistem atau sebarang kejadian yang di luar kawalan ASNB.
5. ASNB berhak untuk meminda, memendekkan, membatalkan, menggantung atau menamatkan Kempen ini secara keseluruhan atau sebahagian atau untuk mengubah, memadam atau menambah mana-mana Terma dan Syarat pada bila-bila masa dengan memberi notis bertulis melalui www.asnb.com.my atau saluran media sosial ASNB.
6. ASNB berhak untuk menarik semula/membatalkan penyertaan mana-mana Peserta yang tidak mematuhi terma dan syarat seperti yang dinyatakan dan/atau didapati atau disyaki telah mengganggu proses Kempen atau perjalanan Kempen ini. Gangguan yang dimaksudkan merangkumi kegiatan penipuan yang melibatkan sebarang tipu daya, penipuan dan/atau pemalsuan berkaitan dengan Kempen.
7. ASNB tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan atas sebarang kerugian yang ditanggung oleh Peserta yang berpunca secara langsung atau tidak langsung daripada penglibatan Peserta dalam Kempen ini.
8. Terma dan Syarat Kempen ini akan mengatasi mana-mana peruntukan atau kenyataan berkaitan Kempen ini yang terkandung dalam mana-mana bahan-bahan promosi samada bercetak atau elektronik.
9. Terma dan Syarat Kempen ini tertakluk pada undang-undang Malaysia.
10. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan atau konflik di antara versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu bagi Terma dan Syarat Kempen ini, versi Bahasa Inggeris akan terpakai.